

25/07/1999

Proton Merdeka 300km kembali

PEMINAT sukan motor tempatan yang mahu mengukur keupayaan masing-masing harus berasa bertuah apabila Lumba Merdeka 300km Antarabangsa Proton kembali dilangsungkan di Litar Sepang pada 28 dan 29 Ogos ini.

Lebih menarik, pelumba yang memenangi tiga tempat teratas dan pemenang kelas perlumbaan 300km Proton itu bakal memenangi hadiah lumayan berbentuk barangan serta wang tunai bernilai RM100,000.

Sebagai tambahan, Proton turut menawarkan wang tunai kepada pemenang dalam pelbagai acara satu model Proton, Superkat dan Superbike yang menjadi perlumbaan sokongan kepada peminat dengan mengeluarkan belanjawan kecil.

Ketua Komunikasi Korporat Proton, Zulkifli Mohamad berkata Lumba Merdeka 300km Antarabangsa Proton diadakan bersempena Hari Kemerdekaan yang menawarkan lebih banyak insentif dan hadiah percuma kepada peserta.

"Pasukan yang menang akan turut menerima replika Trofi Cabaran Perdana Menteri yang disumbangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lalu.

"Jika mereka memenangi perlumbaan tiga kali berturut-turut, mereka akan menerima trofi asal PM itu," katanya semalam.

Setiap pasukan yang mendapat tajaan perlu membayar yuran penyertaan RM3,000 dan RM1,500 bagi pemandu persendirian dan peserta akan diberikan lapan biji tayar untuk peringkat kelayakan dan perlumbaan sebenar.

"Mana-mana pelumba yang berminat boleh menghantar penyertaan masing-masing kepada Ed-Press Communications Sdn Bhd sebelum 18 Ogos.

"Penyertaan lewat yang diserahkan dari 19 hingga 23 Ogos tetap diterima tetapi dikenakan bayaran RM3,500 untuk pasukan yang mendapat tajaan dan RM2,000 kepada peserta persendirian.

"Proton turut akan menganjurkan seminar perlumbaan secara percuma kepada pelumba berpontensi dan novice di Litar Antarabangsa Sepang pada jam 3 petang, Sabtu ini," kata Zulkifli.

(END)